

PENGENDALIAN INKUES KEMATIAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Aminuddin Mustaffa

aminuddinm@unisza.edu.my

Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa
Universiti Sultan Zainal Abidin

Siti Nurul Aziera Moharani

sitinurulaziera@gmail.com

Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Makalah ini bertujuan menjelaskan peranan dan fungsi pelbagai pihak, iaitu mahkamah, polis dan pendakwa raya dalam melaksanakan siasatan kematian. Siasatan kematian merupakan proses bagi mengenal pasti punca kematian. Aspek prosedur yang terkandung dalam Kanun Acara Jenayah (Akta 593) dan amalan perundangan yang terpakai dalam proses siasatan kematian akan diteliti dan dibahaskan. Seterusnya, penelitian ini akan turut mengenal pasti cabaran dan kelemahan yang wujud dalam pengendalian siasatan kematian dan seterusnya mencadangkan penambahbaikan kepada peruntukan dan amalan yang sedia ada.

Kata kunci: inkues kematian, fungsi, prosedur, undang-undang, Kanun Acara Jenayah (Akta 593)

Abstract

This article aims to highlight function and role of various parties, namely the police, the court and the public prosecutor in death inquiry investigation and proceeding. A death inquiry is carried out to investigate and ascertain the cause of death. Procedural aspects as contained in the Criminal Procedure Code (Act 593) as well as the practice of law in this country will be discussed and analyzed. This paper shall further analyze and provide some suggestions to be considered in respect of certain imprecision of laws as highlighted herein.

Keywords: death inquest, function, procedure, law, Criminal Procedure Code (Act 593)

PENGENALAN

Kebelakangan ini, inkues kematian yang dikendalikan oleh mahkamah menjadi tumpuan dan perhatian orang awam. Inkues kematian Teoh Beng Hock¹ yang ditemui mati di luar bangunan pejabat SPRM, inkues kematian Sarbaini² di perkarangan pejabat SPRM dan inkues kematian Baharuddin Ahmad³ semasa menyertai perhimpunan di ibu negara merupakan antara prosiding inkues kematian yang mendapat tempat dalam akhbar dan media massa di negara kita. Masyarakat awam dilihat begitu peka dan ingin mengetahui cerita sebenar tentang punca kematian mangsa yang terbabit. Pelbagai cerita, andaian, khabar angin dan spekulasi yang menyelubungi kes kematian mangsa terbabit menambahkan lagi keterujaan masyarakat untuk mengikuti prosiding inkues kematian yang dijalankan di mahkamah dan mengetahui punca sebenar kematian mangsa.

Dari satu sudut, kecenderungan masyarakat awam memberikan tumpuan perjalanan prosiding inkues kematian merupakan satu perkembangan yang positif. Secara tidak langsung hal ini mampu meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang peranan dan fungsi sistem keadilan di negara ini. Masyarakat sama-sama bertanggungjawab memastikan keadilan ditegakkan bukan sahaja untuk mereka yang masih hidup tetapi juga kepada mereka yang telah meninggal dunia. Namun, dari satu sudut yang lain, perkembangan ini memberikan tekanan yang bukan sedikit kepada pihak yang berkaitan, iaitu polis, mahkamah dan pendakwa raya. Kelewatan dalam menyiapkan fail siasatan kematian dan juga menjalankan prosiding inkues kematian boleh menimbulkan pelbagai andaian negatif dan spekulasi bukan sahaja tentang punca kematian si mati, tetapi juga berkaitan dengan ketelusan dan integriti pihak yang menjalankan tugas. Oleh itu, amat penting bagi polis, mahkamah dan pendakwa raya memastikan bahawa proses siasatan kematian dijalankan dengan cepat, lancar dan telus, tanpa membelakangkan prinsip perundangan dan keadilan.

INKUES KEMATIAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Di bawah undang-undang Malaysia, peruntukan undang-undang berkenaan inkues kematian terkandung dalam bab XXXII Kanun Acara Jenayah (KAJ). Bab XXXII KAJ ini menerangkan fungsi inkues kematian serta prosedur

- 1 Capaian pada 19 Julai 2012 daripada laman web <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2011/1/6/nation/7744400&sec=nation>
- 2 Capaian pada 19 Julai 2012 daripada laman web http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0926&pub=utusan_malaysia&sec=Terkini&pg=bt_31.htm&arc=hive
- 3 Capaian pada 19 Julai 2012 daripada laman web <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2012/2/3/nation/10669556&sec=nation>

yang perlu dipatuhi dalam pengendalian inkues tersebut, sebagaimana yang terkandung dalam seksyen 329 sehingga seksyen 341 KAJ. Selain itu, terdapat Arahan Amalan Nombor 1 2007 yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Hakim khusus berkaitan dengan panduan dalam pengendalian inkues kematian. Arahan Amalan ini menghuraikan dan memperincikan lagi prosedur dalam pengendalian penyiasatan kematian dan prosiding inkues kematian sebagai penerangan lanjut terhadap peruntukan sedia ada dalam KAJ.

DEFINISI INKUES KEMATIAN

Inkues kematian merupakan proses penyiasatan yang dikendalikan oleh koroner bagi mengenal pasti sebab dan punca kematian si mati. Black's *Law Dictionary*⁴ mendefinisikan inkues kematian seperti yang berikut:

An inquiry by a coroner or medical examiner, sometimes with the aid of jury, into the manner of death of a person who has died under suspicious circumstances, or who has died in prison.

Bab XXXII KAJ menggunakan perkataan “siasatan kematian” sebagai tajuk bab. Jika diteliti peruntukan dalam bab ini, maksud siasatan kematian di sini bukan sahaja merujuk prosiding inkues kematian, tetapi juga merangkumi proses siasatan dan penelitian fail siasatan kematian. Oleh itu, adalah penting untuk memahami dan membezakan proses penyiasatan kematian dan juga prosiding inkues kematian. Proses penyiasatan dan penelitian fail siasatan kematian merupakan proses praprosiding inkues kematian yang melibatkan peranan pihak polis, mahkamah dan juga pihak pendakwa raya bagi memutuskan sama ada prosiding inkues kematian perlu diadakan atau sebaliknya. Prosiding inkues kematian merujuk prosiding pendengaran yang dijalankan oleh mahkamah koroner bagi menentukan punca dan sebab kematian. Tidak semua kes kematian memerlukan prosiding inkues kematian. Sebaliknya, prosiding inkues kematian hanya akan diadakan dalam kes tertentu, iaitu apabila wujud keperluan bagi menentukan punca sebenar kematian.

Dalam prosiding inkues kematian, terdapat perbezaan dari sudut amalan dan prosedur pengendaliannya di setiap negara. Bagi sesetengah negara, prosiding inkues kematian dijalankan oleh pegawai perubatan yang dilantik sebagai koroner.⁵ Terdapat juga negara yang menetapkan prosiding inkues kematian bagi kes tertentu dikendalikan oleh koroner dengan kehadiran

4 *Bryan A. Garner, Black's Law Dictionary*, 8th Edition, Thomson and West

5 Cliona McGovern, “The Coroner Service In Ireland - Time To Implement Change” dlm. *Medico-Legal Journal of Ireland* 2, 2007.

panel juri yang akan membuat keputusan pada akhir prosiding.⁶ Di bawah undang-undang Malaysia, prosiding inkues kematian dikendalikan oleh majistret atau hakim yang bertindak sebagai koroner. Meskipun terdapat perbezaan dari sudut struktur sistem, tugas dan peranan mereka tugas sebagai koroner adalah sama, iaitu menentukan punca kematian. Dalam kes Pihak *Pendakwa* lwn *Shanmugan*,⁷ Hakim Mahkamah Tinggi menegaskan bahawa tugas majistret semasa mengendalikan inkues kematian adalah untuk bertindak sebagai koroner bagi mengenal pasti punca dan sebab kematian si mati. Hakim Suriyadi menjelaskan seperti yang berikut;

The magistrate court had assumed the powers and duties of a coroner's court. A coroner's inquest was a court of law, though not a court of justice, because it was essentially set up to investigate and ascertain the cause of death. Apart from being shackled by a limited mandate, a coroner was also not bound to follow the usual procedure of law courts. The position of the magistrate in the instant case was no different to that of a coroner when holding an inquiry of death, and thus, the magistrate was similarly not bound by the usual procedure of courts of law and normal rules of evidence.

TUJUAN PROSIDING INKUES KEMATIAN

Tujuan utama prosiding inkues kematian adalah untuk menentukan punca kematian. Seksyen 328 KAJ mendefinisikan “punca kematian” merangkumi semua perkara penting yang diperlukan bagi mencapai satu pendapat atau keputusan tentang cara bagaimana si mati menemui ajalnya. Oleh itu, koroner yang mengendalikan inkues kematian berperanan menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca kematian si mati, serta mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kematian tersebut. Bagi mencapai objektif ini, koroner diberikan tanggungjawab dan budi bicara yang luas dalam pengendalian prosiding inkues kematian bagi memastikan persoalan yang berkaitan dengan kematian si mati dapat dirungkaikan pada akhir prosiding. Di samping itu, koroner juga bertanggungjawab menentukan sama ada wujud elemen jenayah berhubung dengan kematiannya itu.⁸ Dalam kes *Re Loh Kah Kheng*,⁹ mahkamah menerangkan peranan dan fungsi koroner seperti yang berikut:

It must be remembered that the function of a magistrate holding an inquiry is to inquire when, where, how and after what manner the deceased came

6 Andrea R. Tischler, 2004. “Speaking For The Dead: A Call For Nationwide Coroner Reform” dlm. *South western University Law Review* 553

7 [2002] 6 *MLJ* 563

8 Seksyen 377 KAJ

9 [1990] 2 *MLJ* 126

by his death and also whether any person is criminally concern in the cause of such that. The "cause of death" is defined under section 328 to include not only the apparent cause of death as ascertainable by inspection or post mortem examination of the body of the deceased, but also all matters necessary to enable an opinion to be formed as to the manner in which the deceased came by his death and so as to whether his death in any way from, or was accelerated by any unlawful act or omission on the part of any other person.

Secara ringkasnya, berasaskan keterangan yang dikemukakan semasa prosiding inkues kematian, koroner dikehendaki menentukan perkara yang berikut:

1. Siapakah si mati?
2. Bagaimanakah si mati menemui ajal?
3. Bilakah si mati menemui ajal?
4. Apakah punca kematian si mati?
5. Adakah kematian si mati disebabkan oleh perbuatan atau kecuaiian mana-mana pihak?

Dengan kata lain, koroner perlu memutuskan sama ada wujud unsur jenayah dalam kes kematian tersebut.

Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa bidang kuasa koroner dalam prosiding inkues kematian bukanlah bersifat mutlak tetapi tertakluk pada batasan tertentu. Undang-undang telah meletakkan batasan pada bidang kuasa koroner, iaitu tidak berhak menzahirkan secara spesifik tanggungjawab jenayah mana-mana individu dalam kes kematian tersebut. Perkara ini telah diputuskan oleh mahkamah di dalam kes *PP lwn Ahmad bin Din*.¹⁰ Dalam kes ini majistret telah mengadakan inkues kematian bagi menentukan sama ada wujud unsur jenayah dalam kes kemalangan jalan raya yang telah mengakibatkan kematian. Setelah mendengar keterangan saksi pertama dalam prosiding inkues, mahkamah secara spesifik telah membuat dapatan bahawa kematian tersebut disebabkan kecuaiian oleh Ahmad bin Din, tertuduh dalam kes ini. Mahkamah kemudiannya mengarahkan agar tertuduh ditahan dan dituduh atas kesalahan memandu secara cuai. Kes ini telah dirujuk ke Mahkamah Tinggi untuk semakan. Hakim Thomson yang mendengar permohonan semakan tersebut telah memutuskan bahawa majistret tidak mempunyai kuasa untuk menentukan secara spesifik liabiliti jenayah tertuduh serta mengarahkan tertuduh dituduh di bawah kesalahan memandu secara cuai. Kes ini jelas menerangkan bahawa matlamat prosiding

10 [1956] *MLJ* 235

inkues ialah menentukan punca dan sebab kematian, bukannya menentukan liabiliti jenayah mana-mana individu.¹¹

PROSEDUR INKUES KEMATIAN

Prosedur berkaitan dengan inkues kematian ada dijelaskan dalam bab XXXII KAJ dan juga Arahan Amalan No 1 2007. Sebagaimana yang diterangkan di atas, proses penyiasatan kematian boleh dibahagikan kepada dua tahap, iaitu:

- a) Pra-prosiding inkues kematian.
- b) Prosiding inkues kematian.

a) Praprosiding Inkues Kematian

Prosedur praprosiding inkues kematian merujuk prosedur penyiasatan yang perlu dilaksanakan sebelum bermulanya prosiding inkues kematian. Proses siasatan ini melibatkan peranan tiga pihak berkaitan, iaitu polis, mahkamah dan pendakwa raya. Proses ini bermula dari saat pihak polis menerima laporan berkenaan kes kematian. Secara spesifiknya, KAJ menetapkan bahawa pihak polis bertanggungjawab melakukan siasatan apabila berlaku kematian dalam keadaan seperti yang berikut:

- i) Seseorang telah membunuh diri.
- ii) Seseorang telah dibunuh oleh orang lain atau dibunuh oleh binatang atau mesin jentera atau disebabkan kecuaiian.
- iii) Seseorang meninggal dunia dalam keadaan yang menimbulkan syak wasangka yang munasabah bahawa orang yang lain telah melakukan perbuatan tersebut.
- iv) Kematian secara mengejut.¹²

Sekiranya berlaku kematian dalam keadaan yang dinyatakan di atas, maka pegawai polis yang bertugas di balai (di kawasan kejadian tersebut berlaku) hendaklah memaklumkan perkara tersebut dengan kadar segera kepada ketua polis balai. Apabila menerima laporan tersebut, ketua polis balai hendaklah, sama ada pergi sendiri atau melantik mana-mana pegawai polis berpangkat tidak kurang daripada pangkat sarjan sebagai pegawai penyiasat untuk pergi ke tempat kejadian di tempat mayat si mati di temui.¹³ Pegawai penyiasat yang ditugaskan hendaklah melakukan pemeriksaan terhadap mayat, dan membuat siasatan di tempat kejadian serta menyediakan satu laporan berkaitan kematian tersebut. Bagi tujuan tersebut, pegawai

11 Rujuk juga keputusan mahkamah di dalam kes *Inquest into the Death of Anthony Chang Kim Fook* [2007] *MLJU* 1

12 Seksyen 329 (1) KAJ

13 Seksyen 329(2) KAJ

penyiasat perlu memeriksa keadaan mayat, kedudukan mayat, mengenal pasti kesan luka dan juga kesan kecederaan pada mayat. Pegawai penyiasat bertanggungjawab mengatur agar bedah siasat terhadap mayat dilakukan dengan pemakluman kepada pegawai perubatan di hospital kerajaan yang terdekat tentang kematian tersebut. Mayat si mati akan dihantar ke hospital untuk pemeriksaan bedah siasat oleh pegawai perubatan terbabit.¹⁴

Pada tahap ini, sekiranya pegawai penyiasat berasa wujud keperluan menghubungi dan meminta majistret melihat dan memeriksa badan si mati, maka pegawai penyiasat boleh menghubungi majistret dan memaklumkan perkara tersebut. Pemeriksaan mayat oleh majistret boleh dilakukan di tempat berlakunya kematian ataupun di hospital, bergantung pada keperluan dan kesesuaian kes.¹⁵ KAJ tidak ada menyatakan tugas majistret semasa hadir dan memeriksa mayat si mati selepas dimaklumkan oleh pihak polis. Walau bagaimanapun, Arahan Amalan No. 1 2007 ada memperincikan prosedur yang perlu dilakukan oleh majistret semasa melakukan pemeriksaan terhadap mayat. Arahan Amalan tersebut menjelaskan bahawa majistret perlu melakukan pemeriksaan tersebut dengan kehadiran pegawai perubatan. Semasa melakukan pemeriksaan terhadap mayat, majistret perlu mencatatkan sebarang kecederaan atau tanda yang dapat dikesan pada badan mayat si mati semasa pemeriksaan.

Dalam kes kematian yang berlaku semasa si mati berada dalam tahanan pihak berkuasa dan pemeriksaan tersebut dilakukan di tempat kejadian, majistret perlu mendapatkan maklumat penting berkaitan pemeriksaan mayat tersebut. Mana-mana individu berkaitan, seperti individu yang ditahan di dalam lokap yang sama dengan si mati dan sebagainya akan ditemu bual. Majistret seterusnya perlu melukis rajah kasar berkaitan kedudukan mayat dan juga merekodkan apa-apa barang atau objek yang terdapat di tempat si mati dijumpai. Perlu diingat, tujuan semua ini dilakukan oleh majistret bukanlah untuk campur tangan dalam siasatan polis, sebaliknya maklumat ini untuk rekod majistret dan boleh dikemukakan kelak sekiranya inkues berkaitan kes tersebut diadakan.

Setelah selesai proses di atas, atau bagi kes yang pada pandangan pegawai penyiasat tidak wujud keperluan meminta majistret memeriksa mayat, maka pegawai penyiasat terbabit bertanggungjawab mengumpulkan bukit yang berkaitan dengan kematian tersebut, seperti mengambil gambar mayat, melukis rajah kasar tempat kejadian berserta kunci, mengumpul bahan yang disyaki bersangkutan dengan kematian, seperti senjata, alatan, pakaian dan juga kesan-kesan yang bersangkutan. Sekiranya perlu, pegawai penyiasat akan menghantar mana-mana sampel bukti yang memerlukan penganalisan lanjut kepada jabatan berkenaan, seperti hospital, jabatan forensik, jabatan

14 Seksyen 330 KAJ

15 Seksyen 330 KAJ

kimia, PUSPAKOM sebagainya. Dalam melakukan siasatan tersebut, pegawai polis juga boleh menggunakan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah KAJ untuk menemu bual dan merakam percakapan saksi dan juga mana-mana individu yang mempunyai maklumat berkenaan kes tersebut.¹⁶

Setelah selesai menjalankan siasatan, pegawai penyiasat perlu mengumpulkan kesemua hasil siasatan dalam satu fail siasatan. Fail siasatan tersebut hendaklah mengandungi semua maklumat lengkap berkenaan kes tersebut merangkumi dokumen, seperti laporan polis, lakaran rajah tempat kejadian berserta kunci, rakaman percakapan saksi dan saudara si mati, laporan berkaitan, seperti laporan perubatan, bedah siasat berserta gambar dan forensik. Selain laporan, kad pengenalan si mati, sijil kematian, gambar si mati dan tempat kejadian diambil. Laporan yang disediakan oleh pegawai penyiasat berkenaan siasatan dan rumusan punca kematian juga perlu disertakan dalam fail siasatan tersebut.

Salinan fail siasatan tersebut seterusnya akan dikemukakan kepada pihak mahkamah dan juga pihak pendakwa raya untuk penelitian lanjut.¹⁷ Apabila fail siasatan tersebut diterima, kedua-dua pihak berperanan meneliti fail siasatan terbabit bagi menilai sama ada wujud unsur jenayah dalam kes kematian tersebut.

Pihak pendakwa raya, iaitu pegawai yang mengendalikan kes fail terbabit, perlu memutuskan sama ada wujud unsur jenayah dan keterangan yang mencukupi untuk membawa pertuduhan terhadap mana-mana pihak yang bertanggungjawab dalam kes kematian si mati. Harus diingat jika pihak pendakwaan memutuskan bahawa pertuduhan akan dibawa terhadap mana-mana individu yang menyebabkan kematian si mati, maka prosiding inkues kematian tidak perlu diadakan.¹⁸

Apabila pihak mahkamah menerima salinan fail siasatan daripada pihak polis, fail tersebut akan didaftarkan di bawah kod khusus untuk kes laporan kematian mengejut. Mengikut amalan, fail yang diklasifikasikan di bawah kod kematian mengejut dikendalikan oleh majistret. Apabila menerima fail siasatan tersebut, majistret berkenaan akan meneliti kertas siasatan, dokumen serta laporan yang terkandung dalam fail tersebut untuk mengetahui punca sebenar kematian. Berdasarkan penilaian fail siasatan, majistret dikehendaki memutuskan sama ada wujud elemen jenayah berhubung dengan kematian si mati. Seterusnya, majistret perlu menyediakan dapatan berkenaan punca dan sebab kematian si mati. Sekiranya majistret berpendapat bahawa terdapat unsur jenayah berhubung dengan kematian si mati, majistret hendaklah, dengar kadar seberapa segera, mengarahkan satu prosiding inkues kematian

16 Seksyen 329(3) KAJ

17 Seksyen 329(5) KAJ

18 Seksyen 333(3) KAJ

diadakan bagi menentukan punca sebenar kematian.¹⁹ Sebaliknya, jika majistret berpuas hati bahawa tiada unsur jenayah berhubung dengan kematian si mati, maka majistret dikehendaki merekodkan keputusan dan alasannya dalam fail siasatan tersebut. Fail tersebut kemudiannya akan dihantar kepada pihak pendakwa raya untuk penelitian lanjut.²⁰

Setelah menerima fail siasatan berserta dapatan majistret berhubung dengan punca kematian, pihak pendakwa raya perlu meneliti fail dan laporan tersebut. Dalam hal ini, KAJ memberikan kuasa kepada pendakwa raya sama ada untuk menerima keputusan majistret atau sebaliknya. Sekiranya pihak pendakwa raya berpuas hati dan bersetuju dengan keputusan majistret yang memutuskan tiada unsur jenayah berkaitan dengan kematian si mati, maka prosiding inkues kematian tidak perlu diadakan. Pendakwa raya akan merekodkan keputusannya dalam fail siasatan tersebut dan seterusnya mengembalikan fail tersebut kepada pihak polis untuk simpanan. Sebaliknya, jika pihak pendakwa raya berpendapat prosiding inkues kematian perlu diadakan, meskipun majistret mencadangkan sebaliknya, maka satu prosiding inkues kematian perlu diadakan bagi menentukan punca kematian. Fail siasatan tersebut akan diserahkan kepada majistret bagi membolehkan prosiding inkues kematian dijalankan. Dengan kata lain, KAJ menetapkan bahawa pihak pendakwa raya mempunyai kata pemutus dalam menentukan sama ada inkues perlu diadakan atau sebaliknya.²¹

Kematian Semasa dalam Tahanan Polis, Hospital atau Penjara

KAJ menyediakan peruntukan yang khusus bagi kes kematian seseorang semasa berada dalam tahanan polis, hospital atau penjara Terdapat prosedur yang berbeza terpakai pada kes kematian yang berlaku semasa si mati berada dalam tahanan polis dan kes kematian yang berlaku di hospital atau penjara. Bagi kes kematian seseorang semasa berada dalam tahanan polis, KAJ menyatakan bahawa adalah mandatori untuk majistret mengadakan prosiding inkues kematian secepat mungkin bagi mengenal pasti punca kematian. Bagi kes kematian yang berlaku di hospital ataupun penjara, prosiding inkues kematian hanya perlu diadakan sekiranya majistret berpendapat bahawa penting dan perlu untuk diadakan inkues kematian untuk mengetahui punca kematian.²²

19 Seksyen 333(2) KAJ

20 Seksyen 333(1) KAJ

21 Seksyen 339(1) KAJ

22 Seksyen 334 KAJ

b) Prosedur semasa prosiding inkues kematian

Prosedur semasa prosiding inkues kematian merujuk prosedur yang perlu diadakan apabila mahkamah atau pihak pendakwa raya memutuskan bahawa prosiding inkues kematian perlu diadakan bagi menentukan punca sebenar kematian si mati. Sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, prosiding inkues kematian hanya akan diadakan dalam keadaan yang berikut:

- i) Apabila mahkamah memutuskan bahawa satu prosiding inkues kematian perlu diadakan bagi menentukan punca kematian, setelah meneliti fail siasatan kematian yang dikemukakan oleh pihak polis di bawah seksyen 333 KAJ.
- ii) Apabila pihak pendakwa raya mengarahkan prosiding inkues kematian perlu diadakan, meskipun mahkamah telah meneliti fail laporan kematian mengejut memutuskan bahawa inkues tidak perlu diadakan. Dalam hal ini, mahkamah perlu mematuhi keputusan dan arahan pendakwa raya untuk mengadakan prosiding inkues kematian.
- iii) Apabila berlaku kematian semasa seseorang berada dalam tahanan polis.

Dalam keadaan yang dinyatakan di atas, mahkamah sebagai koroner perlu menetapkan tarikh bagi mendengar prosiding inkues kematian. Sapina akan dikeluarkan kepada saksi untuk hadir ke mahkamah. Pihak terbabit, pendakwa raya, peguam bela dan saudara-mara si mati akan dimaklumkan berkenaan prosiding inkues yang akan dijalankan.

Bersifat *Inquisitorial*

Prosiding perbicaraan kes biasa di mahkamah di negara ini menggunakan sistem adversarial. Di bawah sistem adversarial, peranan majistret atau hakim terhad. Mereka bertindak sebagai pengadil yang mengawal perjalanan perbicaraan. Pihak yang terlibat, iaitu peguam dan pihak pendakwa memainkan peranan yang aktif dalam mengendalikan perbicaraan serta berperanan memutuskan bagaimana keterangan kes hendak dikemukakan, siapa yang perlu dipanggil sebagai saksi dan apakah dokumen yang akan dikemukakan sebagai keterangan semasa perbicaraan dan sebagainya.

Prosiding inkues kematian pula berbentuk penyiasatan (*inquisitorial*), iaitu majistret atau hakim, yang bertindak sebagai koroner, perlu memainkan peranan yang aktif dalam pengendalian prosiding inkues. Pihak lain, seperti pendakwa raya dan peguam hanya membantu koroner dalam memastikan prosiding inkues kematian dijalankan dengan lancar. Selaras dengan itu, tugas koroner adalah untuk menentukan saksi yang perlu dipanggil untuk memberikan keterangan. Koroner juga boleh meminta mana-mana

dokumen berkaitan dikemukakan oleh pihak yang berkenaan sekiranya koroner berpendapat dokumen tersebut penting bagi membantu dalam membuat keputusan berhubung dengan kematian si mati. Jika koroner, semasa mengendalikan prosiding, mendapati bahawa keterangan tambahan diperlukan bagi membantu mahkamah membuat keputusan, koroner boleh mengarahkan mana-mana individu berkenaan atau dokumen berkaitan untuk dikemukakan kepada mahkamah.²³

Pihak Yang Terlibat

Undang-undang di Malaysia menetapkan bahawa prosiding inkues dikendalikan oleh majistret atau hakim (yang bertindak sebagai koroner). Walau bagaimanapun, prosiding inkues kematian berbeza daripada prosiding perbicaraan kes di mahkamah. Dalam prosiding inkues kematian, tidak ada pihak seperti pendakwa raya dan tertuduh (dalam kes jenayah) atau plaintif dan defendan (dalam kes sivil). Tujuan inkues bukanlah untuk mengadili mana-mana individu yang dituduh melakukan kesalahan, tetapi untuk mengenal pasti punca kematian. Perjalanan prosiding tersebut bergantung pada arahan daripada koroner. Koroner akan memanggil saksi untuk memberikan keterangan secara bersumpah. Pegawai pendakwa, peguam dan pihak yang berkepentingan dibenarkan mengambil bahagian dalam membantu mahkamah mencapai keputusan, dengan syarat, mereka terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada majistret atau hakim (koroner) yang mengendalikan kes. Dalam kes *R Iwn South London Coroner, Ex Parte Thompson*,²⁴ mahkamah menerangkan perkara ini seperti yang berikut:

In an inquest it should never be forgotten that there are no parties, there is no indictment, there is no prosecution, there is no defence, there is no trial, simply an attempt to establish facts. It is an inquisitorial process, a process of investigation quite unlike a trial where the prosecutor accuses and the accused defends, the judge holding the balance or the ring, whichever metaphor one chooses to use.

Pemeriksaan Saksi

Dalam prosiding inkues hanya pihak yang berkepentingan berhak mengemukakan soalan kepada saksi dengan mendapatkan kebenaran daripada mahkamah terlebih dahulu. Oleh yang demikian, koroner yang mengendalikan kes mempunyai bidang kuasa dalam memutuskan sama ada pihak yang ingin mengemukakan soalan ialah “pihak berkepentingan” atau

²³ *Th'ng Hai Lam Iwn PP* [2012] 7 *MLJ* 671

²⁴ [1982] 126 *S.J* 625 DC

tidak bergantung pada fakta kes. Sekiranya pihak yang ingin menyoal tidak mempunyai kepentingan, maka koroner mempunyai budi bicara untuk tidak membenarkan pihak tersebut mengemukakan soalan kepada saksi. KAJ tidak ada menyatakan dengan jelas berhubung definisi “pihak berkepentingan” dalam prosiding inkuies. Walau bagaimanapun, Arahan Amalan No. 1 2007 menyatakan panduan berhubung dengan siapa yang berhak mengemukakan soalan kepada saksi. Pihak tersebut ialah:

- a) Ibu bapa, anak, pasangan dan mana-mana wakil si mati.
- b) Mana-mana individu, atas perbuatan atau kecuaiannya sendiri, ejen atau pekerja yang, pada pendapat mahkamah, menyebabkan atau menyumbang kepada kematian si mati.
- c) Mana-mana inspektor atau wakil pihak berkuasa atau mana-mana individu yang dilantik oleh badan kerajaan untuk menghadiri perbicaraan inkuies.
- d) Mana-mana individu yang pada pendapat koroner merupakan pihak berkepentingan.

Dengan kata lain, mana-mana individu yang ingin menyoal saksi dalam prosiding perlu mendapatkan kebenaran koroner terlebih dahulu dengan mengemukakan bukti bahawa beliau mempunyai kepentingan atau mewakili pihak berkepentingan dalam kes tersebut. Dalam kes *Sarah Lily & satu lagi lwn PP*,²⁵ mahkamah yang mendengar permohonan semakan perlu memutuskan sama ada dua pihak, iaitu peguam pemohon dan Majlis Peguam “pihak berkepentingan” dalam kes tersebut perlu diberikan hak untuk menyoal saksi atau memeriksa barang kes yang dikemukakan. Dalam memutuskan perkara tersebut, hakim telah menyatakan ujian yang perlu digunakan untuk menentukan perkara ini dengan melihat sama ada pemohon mempunyai *real, substantial and reasonable right* atau tidak terhadap apa-apa keterangan dalam prosiding inkuies yang sedang dijalankan. Setelah meneliti keterangan yang dikemukakan, mahkamah memutuskan bahawa peguam yang mewakili pemohon merupakan “pihak berkepentingan” dalam kes tersebut dan dibenarkan untuk menyoal saksi. Sebaliknya, jika mahkamah memutuskan bahawa wakil Majlis Peguam bukan pihak berkepentingan dalam kes tersebut, maka tidak dibenarkan untuk menyoal saksi.²⁶

Keputusan mahkamah dalam kes yang dibincangkan di atas jelas menunjukkan bahawa hanya pihak berkepentingan sahaja berhak mengemukakan soalan semasa prosiding inkuies kematian.

25 [2004] 7 CLJ

26 Rujuk juga kes *Re Inquest Into The Death Of Sujatha Krishnan, Deceased* [2009] 5 CLJ 783

Undang-Undang Keterangan

Sebagaimana yang telah dijelaskan, prosiding inkues kematian bukanlah satu prosiding perbicaraan kes. Kedua-dua prosiding mempunyai matlamat dan objektif yang berbeza. Oleh yang demikian, dalam mengendalikan inkues kematian, koroner tidak seharusnya terikat dengan prinsip undang-undang keterangan yang ketat. Sebaliknya, koroner dikehendaki menggunakan budi bicara dan kebijaksanaan bagi memastikan tujuan dan objektif prosiding inkues dapat dilakukan dan dicapai pada akhir prosiding tersebut. Prinsip undang-undang keterangan, seperti prinsip yang menghalang penerimaan keterangan dengar cakap tidak terpakai dalam pengendalian inkues kematian. Begitu juga prinsip yang mencabar kredibiliti saksi melalui proses prosiding pencabaran tidak sesuai diaplikasikan dalam prosiding inkues. Dalam kes *Re Loh Kah Kheng (deceased)*.²⁷ Hakim Mohamed Dzaidin menerangkan perkara ini:

I am, therefore of the opinion that so long as the learned magistrate was satisfied that there was evidence, in whatever form or manner elicited and whether admissible or not, which could assist her in establishing the cause of death of the deceased, she was perfectly entitled to know and take cognizance of it. "The function of a magistrate in holding an inquiry of death is to inquire, inter alia., whether any person is criminally concerned in the cause of death. The inquiry is to be held by examining witnesses on oath and the magistrate may admit evidence which he thinks fit, especially hearsay evidence. His duty is to ascertain the cause of death and he is not bound to follow usual procedure.

Harus diingat bahawa budi bicara yang diberikan kepada koroner dalam perkara ini bukanlah bersifat mutlak dan tanpa sebarang batasan. Sebaliknya, koroner dikehendaki menggunakan budi bicara tersebut dengan berpaksikan pada prinsip keadilan. Perkara ini dijelaskan oleh mahkamah dalam kes *Retnarasa a/l Annarasa lwn Pendakwa Raya*.²⁸ Dalam kes ini, peguam bagi pihak pemohon membuat permohonan kepada mahkamah untuk mendapatkan beberapa laporan bedah siasat semasa prosiding inkues sedang berlangsung. Permohonan itu telah ditolak oleh majistret yang mendengar prosiding inkues tersebut. Peguam bagi pihak pemohon telah memfailkan semakan terhadap keputusan majistret ke Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi telah memutuskan untuk mengetepikan keputusan majistret dan membenarkan permohonan peguam pemohon untuk mendapatkan laporan bedah siasat si mati. Mahkamah seterusnya memerintahkan agar laporan bedah siasat diberikan kepada pemohon. Hakim dalam kes tersebut menjelaskan perkara ini seperti yang berikut:

27 [1990] 2 MLJ 126

28 [2008] 8 MLJ 608

Majistret-majistret yang mengendalikan inkues perlu mematuhi Arahan Amalan No 1 Tahun 2007. Arahan amalan merupakan panduan komprehensif untuk diikuti oleh majistret-majistret dalam suatu inkues. Ia memberikan majistret kuasa budi bicara berkaitan pengeluaran dokumen-dokumen. Budi bicara ini patut digunakan untuk mengeluarkan dokumen-dokumen. Keengganan untuk mengeluarkan dokumen-dokumen oleh itu hendaklah dijustifikasikan dengan alasan-alasan.

Oleh yang demikian adalah jelas bahawa undang-undang keterangan serta prosedur yang ketat tidak terpakai dalam prosiding inkues kematian. Sebaliknya, koroner yang mengendalikan perbicaraan perlu menggunakan kebijaksanaan dan budi bicaranya untuk menentukan sama ada keterangan atau dokumen yang dikemukakan adalah relevan atau sebaliknya, diterima atau tidak, bagi tujuan menentukan punca kematian.²⁹

Keputusan

Pada akhir prosiding inkues kematian, koroner dikehendaki menilai segala keterangan yang dikemukakan dan dapatan serta membuat keputusan berhubung dengan punca dan sebab kematian si mati. Antara keputusan yang biasa diberikan mahkamah berhubung dengan punca kematian adalah seperti yang berikut:

- a) nahas;
- b) kematian biasa;
- c) bunuh diri;
- d) khianat;
- e) kematian akibat perbuatan orang lain;
- f) keputusan terbuka
(keputusan ini akan diberikan oleh mahkamah sekiranya mahkamah mendapati tidak ada keterangan yang mencukupi dikemukakan bagi membolehkan mahkamah menentukan punca sebenar kematian).

Cabaran

Tidak dapat dinafikan bahawa institusi yang terbabit dalam pengendalian siasatan kematian dan prosiding inkues kematian di negara kita, iaitu polis, mahkamah pendakwa raya dan peguam memikul tanggungjawab yang berat bagi memastikan penyiasatan kematian dan prosiding inkues kematian dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Beban yang dipikul oleh pihak yang terbabit menjadi semakin bertambah apabila kes yang dikendalikan melibatkan kes siasatan kematian yang diklasifikasikan sebagai berprofil tinggi, seperti kes siasatan kematian Sarbaini dan Teoh Beng Hock. Meskipun

29 *Re Teoh Beng Hock* [2010] 1 MLJ 715

pihak terbabit dilihat telah mencuba sebaik mungkin melaksanakan peranan mereka, masih terdapat ruang yang perlu diperhalus bagi memastikan keberkesanan dalam proses siasatan kematian dan pengendalian prosiding inkues kematian.

Antara cabaran utama berkaitan dengan pengendalian kes siasatan kematian termasuklah kes tertunggak. Pada hakikatnya masih banyak kes berkaitan siasatan kematian, terutamanya kes yang melibatkan kematian semasa dalam tahanan pihak berkuasa yang belum selesai ataupun masih lagi tertunggak di mahkamah. Jika dirujuk statistik berkaitan dengan kematian tahanan semasa berada di pusat tahanan, terdapat 156 kes dilaporkan bagi tempoh 2000 hingga Februari 2011.³⁰ Daripada jumlah tersebut, masih terdapat kes inkues kematian yang tidak dijalankan meskipun kes tersebut telah berlaku beberapa tahun yang lalu.³¹ Berdasarkan fakta yang dinyatakan di atas, jelas terdapat keperluan meneliti kes siasatan kematian dan prosiding inkues kematian yang masih lagi tertunggak dan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Perkara ini jika dibiarkan berterusan sudah tentu mengundang persoalan terhadap kredibiliti dan ketelusan institusi yang terbabit dalam sistem keadilan di negara ini.

Seterusnya, isu kelemahan dalam aspek penyiasatan berkaitan kes kematian mengejut juga merupakan aspek yang perlu diberikan perhatian. Proses penyiasatan dan pengumpulan bukti merupakan aspek yang sangat penting dan perlu diberikan penekanan yang sewajarnya. Kelemahan dalam proses penyiasatan dan pengumpulan bukti boleh menjejaskan proses mengenal pasti punca sebenar kematian, sekali gus menyukarkan mahkamah koroner dalam mendapatkan dapatan yang tepat dalam pengendalian sesuatu kes. Perkara ini dapat dilihat dalam kes *Pihak Pendakwa lwn Shanmugam* [2002]. Mahkamah koroner dalam kes ini telah menjalankan inkues kematian bagi menentukan punca kematian enam individu yang dikatakan terlibat dalam kejadian tembak-menembak dengan polis. Dalam kes tersebut, keterangan menunjukkan pihak polis telah melepaskan tembakan ke arah sebuah van menyebabkan enam orang individu yang berada di dalam van tersebut meninggal dunia. Pada akhir prosiding, mahkamah koroner telah memutuskan bahawa tiada unsur jenayah berhubung kematian individu tersebut atas alasan pihak polis menjelaskan tembakan ke arah van adalah munasabah bagi mempertahankan diri.

30 Capaian pada 19 Julai 2012 daripada laman web http://www.malaysianbar.org.my/human_rights/death_in_police_custody_goh_yan_peaw_20_january_2008_segamat_police_station_lock_up.html

31 Capaian pada 19 Julai 2012 daripada laman web http://www.malaysianbar.org.my/human_rights/death_in_police_custody_s_manimaran_rembaupolice_station_lock_up_10_march_2005.html, http://www.malaysianbar.org.my/human_rights/death_in_police_custody_s_manimaran_rembau_police_station_lock_up_10_mar_2005.html

Kes tersebut telah dirujuk kepada Mahkamah Tinggi untuk semakan. Mahkamah Tinggi telah mengubah keputusan koroner dan memutuskan “nahas” sebagai punca kematian. Berdasarkan keterangan yang dikemukakan, Mahkamah Tinggi mendapati bahawa tembakan hanya dilepaskan dari luar van dan tiada kelongsong peluru kosong ditemui di dalam van. Tiada sebarang peluru dijumpai pada kereta peronda polis yang mengepung van terbabit. Bersandarkan fakta tersebut, mahkamah merumuskan bahawa tiada tembakan dilepaskan daripada individu yang berada di dalam van. Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa tidak dapat dipastikan sama ada wujud unsur jenayah atau sebaliknya berhubung kematian si mati memandangkan keterangan yang dikemukakan tidak mencukupi bagi membantu mahkamah membuat keputusan dalam isu tersebut. Kes ini menjelaskan bahawa proses siasatan yang tidak lengkap akan menjejaskan proses pengemukaan bukti kepada mahkamah, sekali gus menyukarkan mahkamah membuat keputusan yang tepat dan menyeluruh dalam pengendalian inkuet kematian.

Selain itu, isu ketelusan dalam penyiasatan juga sering kali ditimbulkan, terutamanya dalam kes kematian mengejut semasa si mati berada dalam tahanan pihak berkuasa, seperti lokap polis, penjara dan pusat tahanan. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, statistik menunjukkan bahawa 156 kes melibatkan kematian semasa berada dalam pusat tahanan direkodkan antara tahun 2000 hingga 2012. Memandangkan kematian tersebut berlaku semasa mangsa berada dalam tahanan pihak berkuasa, maka sudah pasti mengundang pelbagai tanggapan negatif daripada kaum keluarga mangsa dan masyarakat awam. Meskipun penyiasatan terhadap kes tersebut dijalankan sebaik mungkin oleh pihak polis, tetapi tidak berjaya mengendurkan tanggapan negatif keluarga mangsa terhadap ketelusan siasatan tersebut.

Misalnya, dalam kes kematian yang berlaku semasa mangsa berada dalam tahanan polis, pihak keluarga mahupun sesetengah ahli masyarakat masih tetap mempertikaikan ketelusan siasatan kematian yang dijalankan memandangkan siasatan tersebut dijalankan oleh pihak polis sendiri. Walaupun tanggapan tersebut kadangkala berasaskan spekulasi dan andaian semata-mata, namun perkara tersebut tidak harus dipandang enteng dan remeh kerana melibatkan soal ketelusan dan integriti sistem keadilan jenayah di negara ini.

Bagi menangkis persepsi dan tanggapan negatif sedemikian, satu mekanisme penyiasatan yang spesifik mencakupi aspek prosedur dan pelaksanaan siasatan yang tertentu wajar diwujudkan khusus dalam pengendalian siasatan kes kematian mengejut semasa mangsa berada di pusat tahanan. Dalam hal ini, amalan di sesetengah negara yang memberikan kuasa penyiasatan kepada koroner dalam mengendalikan siasatan secara

berasingan daripada siasatan polis boleh dijadikan panduan dalam usaha memantapkan lagi sistem sedia ada.³²

Cabaran yang dinyatakan di atas merupakan sebahagian daripada isu yang perlu diberikan perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab dalam pengendalian siasatan kematian dan prosiding inkues kematian di negara ini. Pihak terbabit perlu meneliti cabaran tersebut dan seterusnya merangka strategi untuk menanganinya.

Penambahbaikan

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam sistem siasatan kematian dan pengendalian prosiding inkues kematian di negara ini. Antara langkah penambahbaikan yang mungkin wajar dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

c) Mahkamah khas

Mewujudkan mahkamah koroner khusus yang mengendalikan prosiding inkues. Pada masa sekarang, fail siasatan kematian dan juga prosiding inkues kematian dijalankan oleh majistret dari mahkamah yang paling hampir dengan tempat kes kematian tersebut berlaku. Mahkamah majistret pada amnya mengendalikan pelbagai kes jenayah, kes sivil dan juga pelbagai permohonan yang bersangkutan. Disebabkan bebanan kerja yang tinggi, mahkamah majistret selalunya memberikan keutamaan kepada pengendalian kes sivil dan jenayah yang didaftarkan di mahkamah. Keadaan inilah menyebabkan fail siasatan kematian dan juga prosiding inkues kematian tertanggung dan tidak dapat diselesaikan dengan cepat. Dengan mengambil kira jumlah kes inkues kematian yang masih tertunggak, adalah wajar untuk pihak kehakiman mempertimbangkan agar mahkamah khas diwujudkan bagi mengatasi masalah ini di setiap negeri. Jika sekiranya pihak kehakiman boleh mewujudkan mahkamah khas untuk kes trafik di setiap negeri, tidak ada alasan untuk pihak kehakiman tidak mewujudkan mahkamah khas untuk prosiding inkues kematian.

Berasaskan alasan tersebut serta mengambil kira tumpuan masyarakat awam yang semakin tinggi terhadap peranan prosiding inkues, adalah wajar untuk badan kehakiman memberikan pertimbangan untuk mewujudkan mahkamah khas inkues.

³² Robert D. Felder, "A Coroner System in Crisis: The Scandals and Struggles Plaguing Louisiana Death Investigation" dlm. *Louisiana Law Review* 627, 2009.

a) Unit pendakwaan khas

Terdapat beberapa alasan yang boleh dikemukakan bagi mewajarkan penubuhan unit pendakwaan khas kes kematian. Pertamanya, memastikan kelancaran dalam proses membuat keputusan dan arahan. Pada masa sekarang, unit pendakwaan di setiap negeri bertanggungjawab dalam mengendalikan kes pendakwaan jenayah, termasuk kes berkaitan inkues kematian. Memandangkan bebanan kerja yang banyak dan juga pertambahan kes kematian, masa yang diambil untuk meneliti fail berkaitan kematian adalah lama dan tidak lancar. Oleh itu, dicadangkan agar satu unit khas pendakwaan diwujudkan bagi mengendalikan kes berkaitan inkues kematian.

Keduanya, kewujudan unit khas pendakwaan adalah penting khususnya bagi memantau siasatan kes kematian individu semasa berada dalam tahanan polis. Memandangkan kes yang melibatkan tahanan mati semasa berada dalam tahanan polis adalah tinggi, maka wujud keperluan untuk menubuhkan unit pendakwaan khas. Unit pendakwaan perlu diberikan tanggungjawab khusus, iaitu bukan sahaja membuat penelitian terhadap fail siasatan, tetapi juga memantau proses siasatan bagi kes tersebut. Perkara ini penting bagi memastikan siasatan yang dilakukan terhadap pegawai polis di balai polis, tempat berlakunya kematian tahanan, dapat dilakukan dengan telus, adil dan lancar. Kewujudan unit khas pendakwaan dengan kuasa memantau penyiasatan khusus bagi kes kematian semasa dalam tahanan polis juga mampu mengelakkan andaian, spekulasi dan juga tohmahan bahawa penyiasatan dalam kes tersebut tidak telus atas alasan melibatkan siasatan polis terhadap anggota polis sendiri. Cadangan penubuhan unit pendakwaan khas bagi mengendalikan siasatan bagi kes kematian individu semasa di bawah jagaan polis pernah dicadangkan oleh pihak Amnesty International kepada pihak pejabat pendakwa raya di England dan Wales.³³

b) Kepakaran

Pengendalian prosiding inkues kematian menggunakan sistem *inquisitorial* yang berbeza dengan prosiding lain di mahkamah di negara ini yang mengamalkan sistem *adversarial*. Hal ini merupakan cabaran kerana sistem *inquisitorial* ini menuntut majistret yang menjalankan tugas sebagai koroner memainkan peranan aktif dalam pengendalian prosiding, selain dibantu oleh pendakwa raya dan juga peguam.³⁴ Masalah akan timbul apabila majistret yang kurang dari segi pengalaman dan kepakaran diminta mengendalikan prosiding inkues kematian tersebut. Kekurangan kepakaran tersebut akan menyebabkan majistret gagal melaksanakan tugas sebagai koroner dengan efektif.

33 Amnesty International, *Deaths in Police Custody; Lack of Police Accountability*, [2000]

34 Abdul Rani Bin Kamarudin, "Between the Adversarial and The Inquisitorial Trial" dlm. 2 *MLJ* xi, 2007.

Bagi mengatasi masalah ini, adalah wajar bagi badan kehakiman mempertimbangkan cadangan agar prosiding inkues kematian dijalankan oleh majistret senior yang berpengalaman luas dan berkepakaran tinggi. Terdapat cadangan daripada ahli akademik yang mengusulkan agar majistret dilantik dalam kalangan pengamal undang-undang yang berpengalaman dan bukannya dalam kalangan graduan. Perkara ini penting bagi memastikan tugas yang termaktub di bawah bidang kuasa majistret, termasuk pengendalian prosiding inkues kematian, dapat dilaksanakan dengan berkesan.³⁵ Dengan cara ini, prosiding inkues akan dapat dijalankan dengan lancar dan lebih efektif.

c) Had masa

Bab XXXII KAJ memperuntukkan prosedur berkaitan dengan siasatan kematian dan prosiding inkues kematian serta peranan setiap pihak terbabit, iaitu polis, mahkamah dan pendakwa raya dalam melaksanakan tugas mereka. Namun, KAJ tidak secara spesifik menyatakan tempoh masa bagi penyelesaian tempoh siasatan kematian yang dikendalikan oleh pegawai penyiasat polis sebelum diserahkan kepada pihak polis. Begitu juga tiada tempoh masa tertentu ditetapkan bagi majistret membuat penelitian terhadap setiap fail siasatan kematian yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai penyiasat polis. Memandangkan tiada tempoh atau had masa yang ditetapkan, maka kadang-kadang perkara ini berlanjutan dan mengakibatkan kelewatan yang tidak munasabah dalam pengendalian siasatan oleh pihak pegawai penyiasat dan juga penelitian fail siasatan oleh pihak majistret.

Bagi tujuan melicinkan lagi kelancaran penyiasatan fail kes kematian dan prosiding inkues dicadangkan agar tempoh atau had masa yang munasabah ditetapkan bagi pihak pegawai penyiasat menyiapkan dan menghantar fail siasatan kepada majistret. Seterusnya, had masa juga perlu ditetapkan kepada majistret dalam membuat penelitian dan keputusan bagi setiap fail siasatan kematian yang diterima daripada pihak polis. Dengan adanya had masa yang khusus ini dapat memastikan bahawa pihak yang melaksanakan tugas diberikan tempoh masa yang munasabah, sekali gus mengelakkan daripada berlakunya kes tertunggak.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas tidak dinafikan bahawa fungsi prosiding inkues kematian untuk mengenal pasti punca dan sebab kematian dalam

³⁵ Abdul Rani Bin Kamarudin, "Inquiry Of Deaths Under The Malaysian Criminal Procedure Code" dlm. 5 *MLJ* lxviii, 2009.

kes yang kematian tertentu adalah sangat penting. Mengambil kira kecenderungan dan keprihatinan masyarakat sekarang yang kebelakangan begitu berminat mengikuti perjalanan inkuies kematian terutamanya dalam kes yang berprofil tinggi, adalah penting untuk memastikan penyiasatan dan prosiding inkuies dijalankan dengan cepat dan lancar. Kegagalan atau kelewatan dalam mengadakan proses siasatan kematian dan inkuies kematian boleh mengundang pelbagai spekulasi dan tanggapan negatif masyarakat terhadap institusi yang terbabit, iaitu pihak polis, mahkamah dan pendakwa raya. Tanggapan dan spekulasi ini jika tidak ditangani dengan berkesan boleh menjejaskan integriti dan ketelusan pihak yang berkenaan. Sekali gus keadaan ini turut memberikan kesan negatif kepada keberkesanan sistem keadilan di negara ini. Oleh itu, adalah penting untuk setiap pihak yang terbabit melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing dengan efektif bagi memastikan kelancaran proses penyiasatan kematian dan prosiding inkuies. Langkah penambahbaikan kepada sistem yang sedia ada wajar dipertimbangkan bagi memastikan keberkesanan dalam pengendalian kes siasatan kematian dan prosiding inkuies kematian.

RUJUKAN

- Abdul Rani Bin Kamarudin, "Between the Adversarial and The Inquisitorial Trial" dlm. 2 *MLJ* xi, 2007.
- Abdul Rani Bin Kamarudin, "Inquiry Of Deaths Under The Malaysian Criminal Procedure Code" dlm. 5 *MLJ* 1xviii, 2009.
- Amnesty International, 2000. Deaths in Police Custody; Lack of Police Accountability.
- Andrea R. Tischler, "Speaking For The Dead: A Call For Nationwide Coroner Reform" dlm. *South western University Law Review*, hlm. 553, 2004.
- Arahan Amalan Nombor 1 2007.
- Bar Council, Workshop on Inquests into Deaths in Police Custody. Hotel Vistana Kuala Lumpur. 2006.
- Cliona Mc Govern, "The Coroner Service in Ireland-Time to Implement Change" dlm. *Medico-Legal Journal of Ireland* hlm. 2-6, 2007.
- Coroners and Justice Bill 2009.
- Haji Hamid Sultan bin Abu Backer, 2010. *Janab's Key to Criminal Procedure and Evidence*. 2nd Edition. Janab (M) Sdn Bhd.
- <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2011/1/6/nation/77744400&sec=nation>

- <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2012/2/3/nation/10669556&sec=nation>
- http://www.malaysianbar.org.my/human_rights/death_in_police_custody_goh_yan_peaw20_january_2008_segamat_police_station_lock_up.html
- http://www.utusan.com.my/utusan/infoasp?y=2011&dt=0926&pub=utusan_malaysia&sec=Terkini=&pg=bt_31.htm&arc=hive
- http://www.malaysianbar.org.my/human_rights/death_in_police_custody_s.manimaran_rembau_police_station_lock_up_10_March_2005.html
- Inquest into the Death of Anthony Chang Kim Fook [2007] *MLJU* 1
- Kanun Acara Jenayah (Akta 593)
- Mallal's Criminal Procedure, 6th Edition, *Malayan Law Journal Sdn Bhd.*, 2001.
- Pihak Pendakwa *lwn* Ahmad Bin Din [1956] *MLJ* 235
- Pihak Pendakwa *lwn* Shanmugan [2002] 6 *MLJ* 563
- R *lwn* South London Coroner, Ex Parte Thompson [1982] 126 S.J 625 DC
- Re Loh Kah Kheng [1990] 2 *MLJ* 126
- Re Teoh Beng Hock [2010] 1 *MLJ* 715
- Re Inquest Into The Death Of Sujatha Krishnan, Deceased [2009] 5 *CLJ* 783
- Retnarasa a/l Annarasa *lwn* Pihak Pendakwa [2008] 8 *MLJ* 608
- Robert D. Felder, "A Coroner System in Crisis: The Scandals and Struggles Plaguing Louisiana Death Investigation" dlm. *Louisiana Law Review* hlm. 627, 2009.
- Sarah Lily & satu lagi *lwn* Pihak Pendakwa [2004] 7 *CLJ*
- Th' ng Hai Lam *lwn* Pihak Pendakwa [2012] 7 *MLJ* 671